

19/04/1998

Harga syor elak peniaga tipu pengguna

KUALA LUMPUR: Semua barangan termasuk barangan kawalan, wajib dilabelkan dengan Harga Runcit Disyorkan (RRP) mulai tahun depan bagi mengelak peniaga menipu pengguna.

Keputusan mewajibkan penggunaan RRP itu dicapai dalam pertemuan dengan Persatuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM), Khamis lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, berkata barangan itu juga diwajib mempamerkan logo dan tulisan Barangan Buatan Malaysia bagi memudahkan pengguna memilih barangan tempatan.

Menurutnya, senarai RRP itu hanya merangkumi barangan yang dibotol, dibungkus dan ditin yang dijual di pasaran tempatan.

Sehubungan itu, pihak pekilang dan pengeluar diberi masa sehingga akhir tahun ini bagi mencetak pembungkus, botol dan tin barangan keluaran masing-masing.

Bagaimanapun, katanya, bagi Sabah dan Sarawak, harga RRP itu adalah 10 peratus lebih tinggi daripada di Semenanjung berikutan kos logistik.

"RRP adalah sesuatu yang agak baru bagi kita tetapi ia perlu dilaksanakan bagi memastikan pengguna dapat mengetahui kos sebenar sesuatu barangan dan mengelak ditipu peniaga yang tidak bertanggungjawab.

"Ia juga secara langsung menjadi petunjuk bagi membantu pengguna membuat pilihan tepat barangan yang dikehendakki," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Peranan Pengguna Dalam Kegawatan Ekonomi di sini, semalam. Hampir 400 ahli pelbagai persatuan wanita di bawah Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita (NCWO) menghadiri seminar sehari yang dianjurkan kementerian dan NCWO.

Program itu adalah yang pertama daripada siri seminar yang akan dianjurkan kementerian di seluruh negara bertujuan memberi penerangan mengenai ekonomi, peranan pengguna menangani masalah kegawatan, semangat berjimat cermat serta menggalakkan penggunaan barangan buatan Malaysia.

Minggu lalu, Setiausaha Parlimen kementerian itu, Datuk Tan Chai Ho, berkata kira-kira 600 barangan, termasuk yang disenarai sebagai barangan kawalan akan dilabelkan mengikut harga RRP.

Menurut Megat Junid, harga yang ditetapkan di bawah senarai RRP itu disediakan FMM yang mengetahui kos sebenar pengeluaran sesuatu barangan itu.

"Ia tidak ditetapkan kementerian tetapi kita akan sentiasa mengawasinya bagi mengelak sebarang masalah harga yang tinggi daripada RRP. Bagaimanapun, peniaga boleh menawarkan harga barangan berkenaan pada kadar yang lebih rendah daripada RRP itu," katanya.

Selain itu, Megat Junid juga mengumumkan keputusan Kabinet mengharamkan penggunaan air minuman mineral yang diimport dalam semua penerbangan syarikat tempatan berkuatkuasa serta merta.

"Ini adalah arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahu syarikat penerbangan berkenaan menggunakan air mineral tempatan yang tidak kurang kualitasnya serta lebih murah.

"Malah, ada kira-kira 200 jenis air mineral dan air suling tempatan yang boleh dipilih," katanya.

Dalam ucapannya, Megat Junid meminta semua pengguna, terutama wanita merancang perbelanjaan harian dengan lebih cekap bagi mengelak pembaziran serta pengaliran wang ke luar negara.

Menurutnya, pengguna harus pandai merancang dan mengawal perbelanjaan

dengan mengutamakan barangan tempatan yang berkualiti serta mudah diperoleh.

(END)